

12 JUN 2000

Abdullah-Daim/I

DAIM BEKERJASAMA BAIK DENGAN DR MAHATHIR, KATA ABDULLAH BADAWI

KUALA LUMPUR, 12 Jun (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata beliau percaya bahawa Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin bekerjasama baik dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan kedua-duanya bermusuhan.

"Saya tidak nampak pun pada bila-bila masa atau ketika yang seorang daripada mereka mempamerkan isyarat badan... cara mereka bercakap, yang akan menunjukkan bahawa mereka tidak selesa dengan satu sama lain.

"Tidak ada petunjuk langsung... saya tidak percaya bahawa sesuatu yang buruk berlaku antara kedua-duanya," katanya dalam satu wawancara eksklusif dengan CNBC News hari ini.

Ditanya mengenai khabar angin tentang perbezaan antara Dr Mahathir dan Daim, Abdullah berkata beliau percaya Daim sangat setia kepada Dr Mahathir.

"Beliau (Daim) bekerjasama baik dengan PM (Perdana Menteri). Saya rasa kedua-duanya memahami satu sama lain dengan baik. Mereka mungkin mempunyai perbezaan pendapat mengenai perkara tertentu tetapi apa yang paling penting ialah apabila sesuatu keputusan dibuat, kedua-duanya berdiri teguh di belakang keputusan itu," katanya.

Menjawab satu soalan, Abdullah berkata Daim pernah berkata bahawa beliau mahu meletakkan jawatan sebagai Menteri Kewangan.

"Beliau pernah menyatakannya dari awal-awal lagi. Beliau (Daim) beritahu saya, `Saya tidak fikir saya akan lama (menyandang jawatan ini) ... tetapi saya perlu kembali. PM mahu saya kembali'," kata Abdullah.

Abdullah ditanya mengenai kenyataan Daim, pada sidang media tempatan, yang menafikan berlakunya pertikaian antara beliau dan Dr Mahathir dan bahawa beliau telah menjelaskan bahawa beliau mahu meletakkan jawatan.

Kepada soalan lain, Abdullah berkata beliau tidak mahu memanjangkan lagi spekulasi mengenai hubungan Dr Mahathir dan Daim.

Mengenai komen Daim bahawa Abdullah, adalah orang kedua paling berkuasa di Malaysia, timbalan perdana menteri itu berkata, " Saya tidak tahu. Saya tidak baca tentang saya menjadi orang paling berkuasa (atau) tidak paling berkuasa...tetapi saya memang ada banyak kerja untuk dilakukan."

Mengenai pelaburan asing di Malaysia, Abdullah berkata pelaburan mereka di Malaysia kekal menjadi sumbangan penting ke arah pertumbuhan ekonomi negara.

--BERNAMA

NZ JK NAK